

## Gelanggang

# Allied Martial Arts tawar 'satu hentian' sukan tinju

Oleh Aida Adilah Mat Gambar Rosli Ahmad

**T**IDAK tahu ke mana untuk melepaskan galian bertinju? Kini masyarakat di ibu kota yang meminati sukan memerlukan tumbukan padu itu boleh mengunjungi pusat yang menyediakan segala kemudahan bertinju itu di Desa Sri Hartamas.

Di Allied Martial Arts Sdn Bhd, segala kemudahan disediakan dalam satu tempat seperti gelanggang tinju, punch bag, kemudahan gimnasium, kedai menjual peralatan dan kemudahan jurulatih profesional membuatkan pengunjung tidak perlu lagi bersusah payah, hanya perlu datang sehelai sepinggang saja.

Dibuka pada 1999, pusat itu sekarang sudah mempunyai kira-kira 200 ahli yang bergiat aktif menjalani latihan ataupun sekadar memenuhi masa lapang dengan bertinju dan mempelajari pelbagai lagi seni bela diri mengikut minat masing-masing.

Pengurusnya, Mohd Shahrin Shamsuri, berkata sebenarnya orang ramai berminat untuk menjalani latihan tinju tetapi disebabkan sukan itu kurang popular, tidak banyak kemudahan yang disediakan terutama oleh pihak swasta.

"Jadi kita mahu mewujudkan satu tempat yang dapat memenuhi semua kehendak peminat sukan ini selain mudah untuk dikunjungi," katanya ketika ditemui di gimnasium berkenaan, baru-baru ini.

Demi untuk mewujudkan satu pakej yang lengkap, pengurusan pusat itu juga menyediakan seorang jurulatih profesional yang pernah mewakili negara dalam sukan tinju untuk membenarkan ajar kepada mereka yang baru bergiat dalam sukan itu.

Tidak hairanlah dengan yuran pendaftaran hanya RM150 bagi seumur hidup, setiap ahli boleh menggunakan semua kemudahan yang disediakan. Bukan ahli pula perlu membayar RM20 untuk sekali masuk.

"Bagi mereka yang tidak memerlukan



jurulatih, mereka boleh belajar sendiri atau melalui rakan-rakan yang sudah mahir. Sebagai permulaan, peninju baru tak perlu pakaian lengkap cuma baju dan kasut sukan yang sesuai saja," katanya.



Katanya, disebabkan peralatan untuk bertinju amat sukar untuk didapati di pasaran, pihaknya mengambil inisiatif untuk menjual peralatan khas sukan itu termasuk seluar, sarung tangan (glove), kasut dan pentalut tangan.

Di situ juga ada kemudahan mempelajari Thai kickboxing, aikido, karate, wushu, kungfu, kelas erobik, yoga dan taichi dengan ahli hanya perlu membayar antara RM100 hingga RM150 sebulan mengikut kelas yang dihadiri dengan pusat itu dibuka bermula 12 tengahari hingga 10.30 malam pada Isnin hingga Jumaat manakala

pada hujung minggu ia dibuka dari jam 10 pagi hingga 8 malam.



## Panduan Gelanggang

**ANDA** mempunyai kejohanan atau pertandingan yang ingin dihebahkan kepada umum, kirimkan maklumat kepada kami melalui emel [bhsukan@bharian.com.my](mailto:bhsukan@bharian.com.my) atau fakskan kepada 03-22824340.

### ENDURANCE RACE

HONDA Castrol Wave 100/EX5 Dream akan mengadakan sidang akhbar dan makan tengah hari di Monti Kiara Business Centre, Sunrise Auditorium 1, Suite D-03-01, Block D, Plaza Monti Kiara, pada 13 April, bermula jam 10 pagi.

### EURO 2004

TIGA Events Sdn Bhd (TESB) akan menganjurkan kejohanan futsal untuk selebriti sempena pelancaran Euro 2004 untuk meraikan TV3 sebagai rakan penyiar di Mid Valley Exhibition Hall 2, Mid Valley, pada 10&11 April, bermula jam 11 pagi.

### OLAHRAGA

ACARA penutup Majlis Sukan Sekolah-sekolah Kuala Lumpur (MSSKL) akan berlangsung di Stadium Nasional Bukit Jalil, esok. Sebarang pertanyaan hubungi 03-2697 8100/8101.

### HOKI

PERSEKUTUAN Hoki Malaysia akan menganjurkan Kejohanan Bawah 15 Tahun PHM-MSSM-Milo 2004 di Kuantan pada 10 hingga 18 April ini.